DATO' SRI NAVANEETHAKRISHNER KATHIGAMATHAMBY
lwn. DATO' SRI CHIN SEAK HUAT

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
ABDUL WAHAB MOHAMED PK
[SAMAN PEMULA NO: 22NCVC-153-11-2014]
24 FEBRUARI 2016

PROSEDUR SIVIL: *Pindaan – Pernyataan pembelaan dan tuntutan balas – Permohonan dibuat pada masa singkat sebelum perbicaraan – Penukaran peguam cara – Alasan yang dikemukakan – Sama ada defendan memberi penjelasan munasabah bagi permohonan untuk pindaan – Kelewatan membuat permohonan – Sama ada defendan dengan sengaja ingin melambatkan perbicaraan – Sama ada permohonan dibuat secara bona fide – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 20 k. 5*

PROSEDUR SIVIL: *Pindaan – Kelewatan memohon untuk pindaan – Penukaran peguam cara – Alasan yang dikemukakan – Sama ada penjelasan munasabah diberi bagi permohonan untuk pindaan – Sama ada defendan dengan sengaja ingin melambatkan perbicaraan – Sama ada permohonan dibuat secara bona fide – Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 20 k. 5*

Defendan telah memfailkan permohonan untuk meminda dan/atau mengubah pernyataan pembelaan dan tuntutan balasnya atas alasan bahawa peguam caranya telah ditukar. Tuntutan plaintif adalah berdasarkan satu perjanjian persahabatan bertarikh 20 Jun 2014 yang telah dibuat antara plaintif dan defendan di mana defendan telah mengingkari terma-terma perjanjian tersebut. Menurut fakta kes, permohonan ini telah dibuat pada masa singkat sebelum tarikh perbicaraan yang ditetapkan. Alasan yang dikemukakan untuk permohonan ini adalah supaya defendan dapat mengemukakan semua fakta-fakta penting mengenai isu yang memerlukan penentuan mahkamah semasa perbicaraan kelak. Melalui permohonan pindaannya, defendan juga memplidkan satu perjanjian persahabatan bertarikh 1 Ogos 2012 dan mengemukakan balasan lampau ('past consideration') sebagai pertahanan bagi kesnya.

Diputuskan (menolak permohonan defendan dengan kos):

(1) Undang-undang mengenai pindaan adalah ditadbir di bawah A. 20 k. 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM'). Kes *Yamaha Motor Co Ltd v. Yamaha (M) Sdn Bhd & Ors ('Yamaha Motor')* telah diputuskan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi yang lama. Prosedur sivil kini telah berubah dengan pengenalan pengurusan kes sebelum perbicaraan di bawah A. 34 KKM. Pada masa kini, mahkamah mengiktiraf, terutamanya di bawah rejim pengurusan kes baru bahawa pendekatan yang berbeza perlu diambil untuk mengelakkan kelewatan dalam kemajuan kes di mahkamah. (perenggan 5 & 10)

(2) Apabila permohonan untuk meminda pliding dibuat pada peringkat lewat sebagaimana telah dilakukan dalam kes ini, prinsip-prinsip *Yamaha Motor* tidak sepatutnya dijadikan sebagai pertimbangan tunggal. Ini adalah kerana suatu perintah bagi pampasan melalui bayaran kos dalam hal sedemikian mungkin tidak terjumlah kepada remedi yang mencukupi dan akan mengganggu pentadbiran adil mahkamah. Pengurusan kes oleh mahkamah sebelum perbicaraan dijalankan untuk memastikan bahawa sesuatu tindakan itu dilupuskan secara adil, cepat dan menjimatkan. (perenggan 11)

(3) Jika terdapat kelewatan dalam permohonan untuk pindaan, adalah terserah kepada pemohon untuk memberikan penjelasan yang munasabah bagi kelewatan tersebut. Dalam kes *Claire Swain-Mason, David Jonathan Berry & Neil Gordon Kirby (Executors of CJ Swain, deceased) & Ors v. Mills & Reeve (A Firm),* Mahkamah Rayuan menekankan tentang keperluan penjelasan bagi kelewatan dalam permohonan lewat dan seterusnya menyatakan bahawa cadangan pindaan harus dijelaskan dengan terperinci. Tambahan lagi, keperluan untuk menunjukkan 'material and cogent reasons' bagi kelewatan dalam membuat permohonan pemindaan pliding adalah selaras dengan prosedur pengurusan kes sebelum perbicaraan. (perenggan 16-18)

(4) Pada peringkat pengurusan kes sebelum perbicaraan dalam kes ini, peguam cara defendan tidak menunjukkan niat sama sekali bahawa permohonan pindaan telah dimasukkan oleh defendan. Satu-satunya penjelasan tentang kelewatan membuat permohonan pindaan yang diberikan oleh defendan adalah bahawa terdapat penukaran peguam cara. Walau bagaimanapun, penjelasan ini tidak boleh diterima. Ini bukanlah kali pertama sepanjang prosiding ini bahawa defendan telah berubah peguam caranya. Penukaran peguam cara oleh defendan dalam masa yang singkat sebelum tarikh perbicaraan yang ditetapkan menunjukkan niat defendan untuk melambatkan perbicaraan disebabkan peguam cara baru tersebut perlu mengenali, menyemak semula dan membiasakan dirinya dengan kes tersebut. (perenggan 20 & 21)

(5) Defendan gagal mendedahkan sebarang sebab yang 'cogent and material' untuk menjelaskan 'inordinate delay' ini. Penukaran peguam cara defendan secara berulang kali pada masa terakhir menunjukkan niat jahat defendan dalam keseluruhan prosiding antara plaintif dan defendan. Ini tidak adil dan merupakan satu pembaziran masa mahkamah untuk membenarkan defendan mengambil kesempatan terhadap prosedur mahkamah atas alasan penukaran peguam caranya. (perenggan 22)

(6) Perjanjian persahabatan yang diplidkan tersebut tidak pernah timbul sebelum ini. Defendan sepatutnya memohon dokumen tersebut menerusi prosedur penemuan menurut A. 24 KKM. Defendan juga gagal memberi penjelasan munasabah bagi 'inordinate delay' dalam memohon

penemuan ('discovery') dokumen tersebut selepas menerima ikatan dokumen plaintif. Kegagalan defendan untuk memohon dokumen tersebut pada peringkat penemuan ini tidak dapat dipertahankan. Perkara ini, jika benar, adalah sesuatu yang defendan seharusnya sedar dengan serta-merta dan bukan pada peringkat kemudiannya. (perenggan 24)

(7) Defendan tidak menunjukkan bahawa permohonannya pada peringkat lewat adalah *bona fide* dan perlu bagi kepentingan keadilan dan pelupusan saksama. Tambahan, permohonan pindaan defendan berkenaan balasan lampau (past consideration) adalah tidak *bona fide* dan bersifat celaan. Maka, defendan telah gagal untuk menjustifikasikan bahawa beliau mempunyai alasan 'material and cogent' untuk membenarkan permohonan pindaan ini. (perenggan 26-28)

Kes-kes yang dirujuk:

Bacom Enterprises Sdn Bhd v. Jong Chuk & Ors [1998] 2 CLJ 11 CA ***(dirujuk)***
Claire Swain-Mason, David Jonathan Berry & Neil Gordon Kirby (Executors of CJ Swain, deceased) & Ors v. Mills & Reeve (A Firm) [2011] EWCA Civ 14 ***(dirujuk)***
Conlay Construction Sdn Bhd v. Perembun (M) Sdn Bhd [2013] 9 CLJ 828 FC ***(dirujuk)***
Everise Hectares Sdn Bhd v. Citibank Bhd [2011] 2 CLJ 25 CA ***(dirujuk)***
Hong Leong Finance Bhd v. Low Thiam Hoe & Another Appeal [2015] 8 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
HSBC Bank Malaysia Bhd v. Macquarie Technologies (Malaysia) Sdn Bhd & Another Appeal [2004] 3 CLJ 121 CA ***(dirujuk)***
Ismail Ibrahim & Ors v. Sum Poh Development Sdn Bhd & Anor [1988] 2 CLJ 632; [1988] 1 CLJ (Rep) 606 HC ***(dirujuk)***
Ketteman and Others v. Hansel Properties Ltd [1988] 1 All ER 38 ***(dirujuk)***
Khairy Jamaluddin v. Dato' Seri Anwar Ibrahim [2015] 3 CLJ 1062 CA ***(dirujuk)***
Malayan Banking Bhd & Ors v. Pang Sor Tin [2015] 1 LNS 577 HC ***(dirujuk)***
Ponnusamy & Anor v. Nathu Ram [1959] 1 LNS 73 HC ***(dirujuk)***
Raphael Pura v. Insas Bhd & Anor [2000] 4 CLJ 830 CA ***(dirujuk)***
Savings and Investment Bank Ltd v. Fincken [2004] 1 All ER 1125 ***(dirujuk)***
Skrine & Co v. MBf Capital Bhd & Anor And Other Appeals [1998] 3 CLJ 432 CA ***(dirujuk)***
Syed Omar Syed Mohamed v. Perbadanan Nasional Bhd [2012] 9 CLJ 557 FC ***(dirujuk)***
Taisho Company Sdn Bhd v. Pan Global Equities Bhd & Anor [1999] 1 CLJ 703 CA ***(dirujuk)***
Tan Lee Hong & Anor v. Pengkalan Securities Sdn Bhd [2011] 1 LNS 1923 CA ***(dirujuk)***
Tiow Weng Theong v. Melawangi Sdn Bhd & Other Cases [2015] 8 CLJ 470 HC ***(dirujuk)***
Worldwide Corporation Ltd v. GPT Ltd & Anor [1998] EWCA Civ 1894 ***(dirujuk)***
Yamaha Motor Co Ltd v. Yamaha (M) Sdn Bhd & Ors [1983] 1 CLJ 191; [1983] CLJ (Rep) 428 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of Court 2012, O. 20 r. 5, O. 24, O. 34 r. 4

Bagi pihak plaintif - DP Vijandran; T/n DP Vijandran & Assocs
Bagi pihak defendan - Yee Jun Hong; T/n Jason Ng & Partners

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

A

PENGHAKIMAN

Abdul Wahab Mohamed PK:

Pengenalan

B **[1]** Ini adalah permohonan oleh defendan untuk suatu perintah bahawa defendan yang dinamakan di atas adalah dengan kebebasan dan diberi kebenaran untuk meminda dan/atau mengubahkan pernyataan pembelaan dan tuntutan balas defendan bertarikh 17 Disember 2014.

Latar Belakang Kes

C **[2]** Permohonan defendan ini adalah berlandaskan dari tuntutan plaintif bertarikh 11 November 2014 di mana plaintif menuntut dari defendan wang berjumlah RM2,054,933.56 dan sebagai alternatifnya, defendan dikehendaki menyempurnakan dan menyerahkan borang pindah milik yang berkaitan kepada peguam cara plaintif untuk memindah milik 5,000,000 saham dalam D Syarikat Ga Yee Furniture Sdn Bhd yang terkandung dalam sijil-sijil bernombor 003, 005, 006, 009 dan 010 kepada plaintif dan/atau penama plaintif dalam tempoh tujuh hari dari perintah mahkamah ini.

[3] Tuntutan plaintif tersebut adalah berdasarkan suatu perjanjian persahabatan yang telah dibuat antara plaintif dan defendan bertarikh 20 Jun E 2014 (selepas ini dikenali sebagai 'perjanjian persahabatan') di mana defendan telah mengingkari terma-terma perjanjian persahabatan tersebut.

[4] Permohonan defendan ini adalah untuk suatu perintah membenarkan defendan meminda dan/atau mengubahkan pernyataan pembelaan defendan kedua atas alasan bahawa terdapat penukaran peguam cara bagi pihak F defendan di mana Tetuan Jason Ng & Partners telah menggantikan Tetuan Hardeep Gurvin & Co sebagai peguam cara defendan melalui pemfailan notis penukaran peguam cara bertarikh 5 Januari 2016.

Undang-Undang

G **[5]** Undang-undang mengenai pindaan adalah ditadbir bawah A. 20 k. 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan seperti yang dijelaskan dalam kes *Yamaha Motor Co Ltd v. Yamaha (M) Sdn Bhd & Ors* [1983] 1 CLJ 191; [1983] CLJ (Rep) 428. Secara ringkasnya, pindaan boleh dibuat di mana-mana peringkat prosiding dan ia adalah budi bicara mahkamah ('court's H discretion') sama ada untuk membenarkan pindaan atau sebaliknya.

[6] Ia adalah prinsip umum bahawa mahkamah akan membenarkan apa-apa pindaan yang tidak akan menyebabkan ketidakadilan kepada pihak yang lain dan jika ada sebarang prejudis, sama ada prejudis tersebut boleh dipampas dengan kos.

I **[7]** Mahkamah juga perlu mengambil kira sama ada pindaan tersebut boleh mengubah sifat saman itu dari satu bentuk kepada bentuk yang lain yang tidak konsisten dengan sifat asal saman tersebut. Mahkamah juga perlu

mempertimbangkan sama ada permohonan untuk meminda dibuat secara *bona fide*. Mengingati prinsip-prinsip ini, saya telah membuat pertimbangan ke atas hujahan oleh defendan.

Hujahan Defendan

[8] Defendan berhujah bahawa pindaan pada pembelaan defendan adalah wajar untuk memperkenalkan 'statutory defence'. Mahkamah perlu memberi pertimbangan ke arah membolehkan pindaan dibuat kepada pliding untuk menjadikannya jelas dan untuk meletakkan semua fakta-fakta penting mengenai isu atau isu-isu yang memerlukan penentuan mahkamah semasa perbicaraan kelak.

[9] Walau bagaimanapun, budi bicara mahkamah untuk berbuat demikian perlu dilaksanakan secara bijaksana. Prinsip ini diberi penekanan dalam kes *Khairy Jamaluddin v. Dato' Seri Anwar Ibrahim* [2015] 3 CLJ 1062 di mana mahkamah rayuan menerangkan seperti berikut:

> Mahkamah mesti berpuas hati bahawa cadangan pindaan telah lulus semua keperluan undang-undang dan tidak prejudis kepada pihak yang terhadapnya pindaan yang dibuat. Dalam erti kata lain mahkamah juga perlu mengambil kira kepentingan dan keberkesanan pindaan.

(juga lihat kes *Ponnusamy & Anor v. Nathu Ram* [1959] 1 LNS 73; [1959] MLJ 228; dan *HSBC Bank Malaysia Bhd v. Macquarie Technologies (Malaysia) Sdn Bhd & Another Appeal* [2004] 3 CLJ 121; [2004] 4 MLJ 398.)

Penghakiman

[10] Ia adalah penting untuk ambil perhatian bahawa kes *Yamaha Motor (supra)* telah diputuskan di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang lama. Prosedur sivil kini telah berubah dengan pengenalan pengurusan kes sebelum perbicaraan ('case management') kini di bawah A. 34 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Pada masa kini, mahkamah mengiktiraf terutamanya di bawah rejim pengurusan kes baru bahawa pendekatan yang berbeza perlu diambil untuk mengelakkan kelewatan dalam kemajuan kes di mahkamah. (Lihat kes *Syed Omar Syed Mohamed v. Perbadanan Nasional Bhd* [2012] 9 CLJ 557).

[11] Apabila permohonan untuk meminda pliding telah dibuat di peringkat lewat sebagaimana yang telah dilakukan dalam kes ini, prinsip-prinsip *Yamaha Motor (supra)* tidak sepatutnya dijadikan pertimbangan tunggal. Ini adalah kerana suatu perintah bagi pampasan melalui pembayaran kos dalam hal sedemikian mungkin tidak terjumlah kepada remedi yang mencukupi dan ia juga akan mengganggu pentadbiran adil mahkamah. (Lihat kes *Conlay Construction Sdn Bhd v. Perembun (M) Sdn Bhd* [2013] 9 CLJ 828 [2014] 1 MLJ 80). Pengurusan kes oleh mahkamah sebelum perbicaraan dijalankan adalah bertujuan untuk memastikan sesuatu tindakan dilupuskan secara 'adil, cepat dan menjimatkan'.

[12] Saya merujuk kepada keputusan dalam kes English *Ketteman and Others v. Hansel Properties Ltd* [1988] 1 All ER 38 yang menekankan prinsip umum terhadap pindaan lambat berbunyi seperti berikut:

> Whether an amendment should be granted is a matter for the discretion of the trial judge and he should be guided in the exercise of the discretion by his assessment of where justice lies. Many and diverse factors will bear on the exercise of this discretion. I do not think it possible to enumerate them all or wise to attempt to do so. But justice cannot always be measured in terms of money and in my view a judge is entitled to weigh in the balance the strain the litigation imposes on litigants, particularly if they are personal litigants rather than business corporations, the anxieties occasioned by facing new issues, the raising of false hopes, and the legitimate expectation that the trial will determine the issues one way or the other. Furthermore, to allow an amendment before a trial begins, it is quite different from allowing it at the end of the trial to give an apparently unsuccessful defendant an opportunity to renew the fight on an entirely different defence.
>
> Another factor that a judge must weigh in the balance is the pressure on the courts caused by the great increase in litigation and the consequent necessity that, in the interests of the whole community, legal business should be conducted efficiently. We can no longer afford to show the same indulgence towards the negligent conduct of litigation as was perhaps possible in a more leisured age. There will be cases in which justice will be better served by allowing the consequences of the negligence of the lawyers to fall on their own heads rather than by allowing an amendment at a very late stage of the proceedings.

[13] Prinsip dalam *Ketteman (supra)* ini telah dirujuk oleh mahkamah Malaysia dalam beberapa kes (lihat kes *Skrine & Co v. MBf Capital Bhd & Anor And Other Appeals* [1998] 3 CLJ 432; [1998] 3 MLJ 649 dan *Bacom Enterprises Sdn Bhd v. Jong Chuk & Ors* [1998] 2 CLJ 11; [1998] 2 MLJ 301).

[14] Perhatian juga perlu diberikan kepada kes English *Worldwide Corporation Ltd v. GPT Ltd & Anor* [1998] EWCA Civ 1894 di mana pendekatan teguh telah diambil terhadap pindaan saat akhir. Mahkamah Tinggi menolak tuntutan pihak penuntut bagi meminda tuntutannya 11 hari sebelum perbicaraan bermula. Atas rayuan pihak penuntut, Waller LJ memutuskan:

> ... in previous eras it was more readily assumed that if the amending party paid his opponent the costs of an adjournment that was sufficient compensation to that opponent. In the modern era it is more readily recognised that in truth the payment of costs of an adjournment may well not adequately compensate someone who is desirous of being rid of a piece of litigation which has been hanging over his head for some time, and may not adequately compensate him for being totally (and we are afraid there are no better words for it) "mucked around" at the last moment. Furthermore, the courts are now more conscious that in

> assessing the justice of a particular case the disruption caused to other litigants by last minute adjournments and last minute applications have also to be brought into the scales.
>
> We share Millett LJ's concern that justice must not be sacrificed, but we believe his view does not give sufficient regard to the fact that the courts are concerned to do justice to all litigants, and that it may be necessary to take decisions *vis-à-vis* on litigant who may, despite all the opportunity he or his advisers have had to plead his case properly, feel some sense of personal injustice, for the sake of doing justice both to his opponent and to other litigants.
>
> Where a party has had many months to consider how he wants to put his case and where it is not by virtue of some new factor appearing from some disclosure only recently made, why, one asks rhetorically, should he be entitled to cause the trial to be delayed so far as his opponent is concerned and why should he be entitled to cause inconvenience to other litigants? The only answer which can be given and which, Mr. Brodie has suggested, applies in the instant case is that without the amendment a serious injustice may be done because the new case is the only way the case can be argued, and it raises the true issue between the parties which justice requires should be decided.
>
> We accept that at the end of the day a balance has to be struck. The court is concerned with doing justice, but justice to all litigants, and thus where a last minute amendment is sought with the consequences indicated, the onus will be a heavy one on the amending party to show the strength of the new case and why justice both to him, his opponent and other litigants, requires him to be able to pursue it.

[15] Berdasarkan prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam kes di atas, saya berpendapat bahawa ia adalah tanggungjawab defendan untuk memberikan alasan yang kuat untuk mewajarkan permohonan untuk pemindaan dalam kes ini. Keputusan dalam kes *Worldwide Corporation Ltd (supra)* ini adalah sejajar dengan keputusan kes-kes English berikutnya. Dalam kes *Savings and Investment Bank Ltd v. Fincken* [2004] 1 All ER 1125, ia telah diputuskan bahawa mahkamah jelas sekali menjangkakan kes baru untuk mempunyai lebih daripada "beberapa prospek kejayaan", terutamanya bagi permohonan lewat. Mahkamah Rayuan dalam kes tersebut memutuskan seperti berikut:

> Ms Gloster submits that it is enough that these amendments have some prospect of success. That may be a suitable test where an amendment comes at a reasonably early stage of proceedings. After all, if any pleading whether by amendment or not, cannot meet the test of some real prospect of success, it is in danger of being struck out. In my judgment, however, the proper rule or guideline calls for a sliding scale: the later the amendment, the more it may require to commend it ...

[16] Dalam kes *Claire Swain-Mason, David Jonathan Berry & Neil Gordon Kirby (Executors of CJ Swain, deceased) & Ors v. Mills & Reeve (A Firm)* [2011] EWCA Civ 14, Mahkamah Rayuan menekankan tentang keperluan penjelasan bagi kelewatan dalam permohonan lewat dan seterusnya menyatakan bahawa cadangan pindaan harus dijelaskan dengan terperinci:

A

> A point which also seems to me to be highly pertinent is that, if a very late amendment is to be made, it is a matter of obligation on the party amending to put forward an amended text which itself satisfies to the full the requirements of proper pleading. It should not be acceptable for the party to say that deficiencies in the pleading can be made good from evidence to be adduced in due course, or by way of further information if requested, or as volunteered without any request. The opponent must know from the moment that the amendment is made what is the amended case that he has to meet, with as much clarity and detail as he is entitled to under the rules.
>
> First, as *Worldwide Corporation v. GPT* shows, there is a heavy burden on party who seeks to raise a new and significantly different case so late as the opening of the trial. The party applying to amend needs to show why the change is sought so late and was not sought earlier.

B

C

[17] Mahkamah di Malaysia telah secara konsisten memutuskan bahawa jika ada kelewatan dalam permohonan pindaan, ini adalah terserah kepada pemohon bagi memberikan penjelasan yang munasabah bagi kelewatan tersebut. Mereka seolah-olah telah mempertimbangkan faktor ini sebagai faktor tambahan bagi prinsip dalam kes *Yamaha Motor*. Keperluan untuk menunjukkan "material and cogent reasons" telah diberi perhatian dalam kes *Taisho Company Sdn Bhd v. Pan Global Equities Bhd & Anor* [1999] 1 CLJ 703 di mana mahkamah memutuskan:

D

E

> The learned judge intimated that the application was made after the appellant failed on appeal to this court to affirm the judgment entered by it initially. Further, he said that the appellant had knowledge of the "acknowledgement" as late as April 1987, that is, four years before the action was filed. Furthermore, the application was filed four years after the commencement of this action. We would add further that no reasons were given for the delay in filing the application when the point of admission was obviously available even before filing the proceedings. As rightly opined by the learned JC in *Multi-Pak Singapore Pte Ltd* and correctly followed by the learned judge, the appellant did not place some material and advance some cogent reasons to impel the court to lean on its side. We would further add that the application borders on lack of *bona fides*, one of the basic question set out in *Yamaha Motor Co Ltd*.

F

G

[18] Keperluan untuk menunjukkan "material and cogent reasons" telah juga sejajar dengan keputusan mahkamah berikutnya dalam kes-kes *Raphael Pura v. Insas Bhd & Anor* [2000] 4 CLJ 830, *Everise Hectares Sdn Bhd v. Citibank Bhd* [2011] 2 CLJ 25 dan dalam kes Mahkamah Persekutuan *Hong Leong Finance Bhd v. Low Thiam Hoe & Another Appeal* [2015] 8 CLJ 1; [2016] 1 MLJ.

H

[19] Saya nyatakan di sini bahawa keperluan untuk menunjukkan "material and cogent reasons" bagi kelewatan dalam membuat permohonan pemindaan pliding adalah selaras dengan prosedur pengurusan kes sebelum perbicaraan ("pre-trial case management"). Pengurusan kes oleh mahkamah sebelum

I

perbicaraan adalah bertujuan untuk memastikan pelupusan kes secara "just, expeditious and economical disposal". (lihat A. 34 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan Practice Direction No. 2 of 2014 issued by the Chief Judge of High Court in Malaya). Ketepatan masa dalam pelupusan dan had kos kini menjadi pertimbangan utama di bawah rejim ini.

[20] Pada peringkat pengurusan kes sebelum perbicaraan dalam kes ini, peguam cara defendan tidak menunjukkan niat sama sekali bahawa permohonan pindaan telah dimaksudkan oleh defendan. Satu-satunya penjelasan tentang kelewatan membuat permohonan pindaan yang diberikan oleh defendan dalam afidavitnya adalah bahawa terdapat penukaran peguam cara. Penjelasan ini pada pendapat saya adalah tidak boleh diterima.

[21] Dalam kes ini satu-satunya penjelasan tentang kelewatan permohonan pindaan dilakukan yang diberikan oleh defendan dalam afidavitnya adalah bahawa terdapat penukaran peguam cara, dan ia perlu diambil perhatian bahawa ini bukan kali pertama sepanjang prosiding ini bahawa defendan telah berubah peguam caranya. Pada pendapat saya, penukaran peguam cara oleh defendan dalam masa yang singkat sebelum tarikh perbicaraan yang ditetapkan menunjukkan niat defendan untuk melambatkan perbicaraan oleh kerana peguam cara baru tersebut perlu mengenali, menyemak semula dan membiasakan dirinya dengan kes tersebut.

[22] Afidavit defendan tidak menunaikan tanggungjawab berat yang dikenakan terhadap pihak peminda kerana defendan gagal mendedahkan sebarang sebab yang "cogent and material" untuk menjelaskan "inordinate delay" ini. Pada pendapat saya juga, penukaran peguam cara oleh defendan secara berulang kali dan pada masa terakhir ini menunjukkan "bad faith" defendan dalam keseluruhan prosiding antara plaintif dan defendan. Saya berpendapat bahawa ia adalah tidak adil dan ia adalah satu pembaziran masa mahkamah untuk membenarkan defendan mengambil kesempatan terhadap prosedur mahkamah atas sebab penukaran peguam caranya.

Manuver Taktikal ("Tactical Manoeuvre")

[23] Satu lagi faktor yang saya telah mengambil kira adalah sama ada permohonan pindaan ini dibuat sebagai manuver taktikal. Dalam kes *Everise Hectares Sdn Bhd v. Citibank Berhad (supra)*, Mahkamah Rayuan menolak permohonan pindaan atas sebab permohonan tersebut dibuat sebagai manuver taktikal untuk menangguhkan dan menghalang bank responden daripada melengkapkan jualan hartanah. Dalam kes *Ismail Ibrahim & Ors v. Sum Poh Development Sdn Bhd & Anor* [1988] 2 CLJ 632; [1988] 1 CLJ (Rep) 606, permohonan pindaan ditolak atas sebab permohonan tersebut telah dibuat untuk memintas permohonan pembatalan writ asal dan pernyataan tuntutan.

[24] Defendan dalam permohonan pindaannya memplidkan satu perjanjian persahabatan bertarikh 1 Ogos 2012 yang tidak pernah timbul sebelum ini. Defendan sepatutnya memohon dokumen tersebut menerusi prosedur

penemuan menurut A. 24 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Defendan juga telah gagal memberi penjelasan munasabah bagi "inordinate delay" dalam memohon penemuan ("discovery") dokumen tersebut selepas menerima bundle of documents plaintif. Ia adalah pada pendapat saya bahawa kegagalan defendan dalam memohon dokumen tersebut pada peringkat penemuan ini tidak dapat dipertahankan. Pada pandangan saya, perkara ini, jika benar, adalah sesuatu yang defendan seharusnya sedar dengan serta-merta bukan pada peringkat kemudiannya.

[25] Saya merujuk kes *Tiow Weng Theong v. Melawangi Sdn Bhd & Other Cases* [2015] 8 CLJ 470 di mana mahkamah memutuskan:

> An order for discovery that was unduly oppressive and prejudicial to the plaintiff in pursuing its action expediently would not be granted. Under the circumstances, the plaintiff had not shown that the present application at such a late stage was *bona fide* and necessary in the interests of justice and fair disposal of the present proceedings.

[26] Berdasarkan prinsip di atas, defendan dalam kes ini tidak menunjukkan bahawa permohonannya pada peringkat lewat adalah *bona fide* dan perlu bagi kepentingan keadilan dan pelupusan saksama.

[27] Selanjutnya, defendan dalam permohonan pindaannya mengemukakan "past consideration" sebagai pertahanan bagi kesnya. Dalam apa jua keadaan, ia adalah pengetahuan umum bahawa balasan lampau ("past consideration") adalah pertimbangan baik ("good consideration") (lihat kes *Tan Lee Hong & Anor v. Pengkalan Securities Sdn Bhd* [2011] 1 LNS 1923 dan *Malayan Banking Bhd & Ors v. Pang Sor Tin* [2015] 1 LNS 577). Oleh itu, permohonan pindaan defendan ini, pada pendapat saya, adalah tidak *bona fide* dan bersifat celaan.

Kesimpulan

[28] Kesimpulannya, berdasarkan sebab-sebab di atas, defendan telah gagal menjustifikasikan kepada saya bahawa defendan mempunyai alasan yang "material and cogent" untuk membenarkan permohonan pindaan ini.

[29] Oleh itu, permohonan pindaan defendan telah ditolak dengan kos berjumlah RM3,000 dikenakan terhadap defendan.